

## STRATEGI KEMAHIRAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB

### [COMMUNICATION SKILLS STRATEGIES IN ARABIC LANGUAGE TEACHING]

NURUL IZZATI AHMAD RADZI<sup>1\*</sup>, HARUN BAHARUDIN<sup>1</sup> & MOHD KHALID MOHAMAD NASIR<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
Corespondent Email: p103959@siswa.ukm.edu.my

Received: 13 August 2021

Accepted: 24 August 2021

Published: 26 August 2021

**Abstrak:** Pengajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar bukanlah satu perkara yang mudah tambahan pula apabila melibatkan kemahiran komunikasi yang merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar. Kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi yang boleh diaplikasi guru dalam pengajaran kemahiran komunikasi bahasa Arab. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan temu bual sebagai instrumen kajian terhadap tiga orang guru bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara strategi berpusatkan guru, pelajar dan bahan dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab. Kajian ini mendapati guru perlu bertindak secara kreatif dan inovatif bagi menarik minat pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

**Kata kunci:** komunikasi, berpusatkan guru, berpusatkan pelajar, berpusatkan bahan, kemahiran bertutur.

**Abstract:** Teaching a second language to students is not an easy task. Moreover, it involves communication skills which is one of the language skills that students need to master. This study aimed to explore strategies that could be applied by the teachers in teaching Arabic communication skills. This was a qualitative study that used interviews as a research instrument on three Arabic language teachers. The findings of the study indicated that there was a relationship between teacher-centered, student-centered and material-centered strategies in improving communication skills in Arabic. This study found that teachers need to take measures to be creative and innovative to attract students to communicate in Arabic.

**Keywords:** communication, teacher-centered, student-centered, material-centered, speaking skills.

Nurul Izzati Ahmad Radzi, Harun Baharudin & Mohd Khalid Mohamad Nasir. 2021. Strategi Kemahiran Komunikasi dalam Pengajaran Bahasa Arab [Communication Skills Strategies in Arabic Language Teaching]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(3), 48-56.

## PENGENALAN

Kemahiran komunikasi (bertutur/bercakap) dalam bahasa Arab bermaksud maharah al-kalam dan merupakan salah satu kemahiran daripada kemahiran berbahasa. Oleh hal yang demikian, kemahiran komunikasi antara salah satu aspek dan objektif yang ingin dicapai dalam pengajaran bahasa Arab pada era ini. Melalui komunikasi, pelbagai idea dapat diekspresikan dan dilontarkan menggunakan lisan serta dapat bertukar pandangan dalam hubungan sosial.

Dasawasa ini, guru menghadapi kekangan masa dalam menyampaikan pengajaran di dalam kelas. Hal ini menyebabkan guru tidak dapat menyampaikan idea dengan berkesan

apabila pelajar kurang memahami kandungan pelajaran yang disampaikan oleh guru. Kenyataan tersebut disokong oleh Rusdin dan Ali (2019) yang menyatakan guru menghadapi kekangan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta waktu pengajaran terganggu disebabkan pelbagai aktiviti yang dilaksanakan.

Selain itu, kemahiran komunikasi menjadi kurang berkesan disebabkan pelajar malu bertutur dalam bahasa Arab sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Antara faktor lain yang menyebabkan pelajar tidak mengaplikasikan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab ialah persekitaran yang tidak kondusif dan penggunaan bahan bantu mengajar yang tidak mencukupi (Hafizi; Pisol; Maroma; Ismail & Ghazali, 2020). Kajian Mukhtar dan Damit (2017) menyatakan sekiranya guru ingin mewujudkan pembelajaran bahasa Arab di sekolah, guru perlu menggalakkan pelajar mempraktikkan bahasa dengan menggunakan *Lughat al-Fasl* seperti pertanyaan, iklan dan makluman.

Oleh itu, pengkaji ingin meneroka strategi yang boleh diaplikasikan guru dalam pengajaran dan pembelajaran bagi kemahiran komunikasi bahasa Arab di dalam kelas. Apabila guru dapat melaksanakan strategi pengajaran dengan baik maka hasil penyampaian dan objektif pengajaran dalam pendidikan tercapai.

## KAJIAN LITERATUR

Kemampuan untuk bertutur dalam bahasa Arab merupakan salah satu seni bahasa dan satu keistimewaan bagi seseorang pelajar. Kemahiran komunikasi mengandungi empat elemen iaitu suara, bahasa, pemikiran dan prestasi. Dua perkara yang perlu dititikberatkan dalam kemahiran bertutur adalah sebutan dan pertuturan. Sebagai contoh, pensyarah menganggap objektif pembelajaran telah dicapai apabila pelajar mampu membaca dialog teks namun hakikatnya proses komunikasi tidak berjaya lantaran pelajar tidak mampu dalam latihan pengucapan. Zulharby, Rasyid dan Nuruddin (2019), mengusulkan beberapa prinsip yang boleh digunakan dalam kemahiran bertutur. Antaranya, pembelajaran perlu disatukan dengan kurikulum bahasa dan komunikasi mempunyai kaitan dengan kehidupan sebenar pelajar di luar kelas.

Lambri dan Mahmood (2016), menyatakan kemahiran komunikasi dapat dilihat menerusi aktiviti pembelajaran berdasarkan masalah yang menggunakan kaedah sumbang saran. Idea yang disumbangkan oleh pelajar merupakan satu proses komunikasi yang berlaku antara pelajar. Pelajar juga mendapat manfaat daripada aktiviti yang boleh menggalakkan mereka berbincang serta berhujah sekaligus dapat memupuk kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar di dalam kelas atau di luar kelas.

Selain itu, menurut kajian Mukhtar dan Damit (2017) menyatakan terdapat tujuh *Lughat al-Fasl* yang boleh digunakan guru ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dan boleh membiasakan pelajar dengan komunikasi bahasa Arab seperti ucapan salam dan selamat (السلام عليكم), ungkapan mudah harian (ما اسأك), pujian dan peneguhan (أحسنت), arahan dan suruhan (اجلس), larangan (لا تذهب), penyoalan dan ungkapan (كلكم) dan membetulkan kesilapan (صحيح ألم خطأ). Dengan cara berikut dapat membantu guru mengatur setiap pertuturan yang diungkapkan supaya lebih teratur dan pelajar dapat mengenal pasti setiap pengajaran guru.

Justeru, guru perlu mempunyai strategi yang berkesan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar dapat memenuhi objektif pendidikan. Menurut Gill dan Kusum (2017) menyatakan strategi merujuk kepada pola tindakan yang berfungsi untuk mencapai hasil tertentu. Strategi yang berkesan dapat menentukan beberapa dasar sebelum menyampaikan kandungan pembelajaran dengan bahan bantuan bagi mencapai objektif pengajaran. Strategi ialah kemahiran merancang sesuai dengan objektif dan matlamat. Kebiasaannya, strategi berubah mengikut masa, tempat dan keadaan. Contohnya, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia menyebabkan pendidikan di Malaysia telah berubah kepada norma baharu dengan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Dalam kajian Manjula (2018), mengatakan antara strategi yang boleh digunakan bagi menarik minat pelajar ketika pembelajaran dan pengajaran bahasa di dalam kelas ialah dengan melaksanakan teknik perbincangan, permainan, *JAM (Just a minute)*, audio dan penceritaan. Oleh itu, berdasarkan kajian Jamali, Rahman, Azizan dan Isa (2017) melihat pelajar diperkenalkan dengan asas kemahiran bertutur seperti pelajar diminta bercakap di depan kelas tanpa melihat teks. Selain itu, pelajar juga diminta menghafal dan menyebut kosa kata baru bahasa Arab secara lisan. Kelebihan pelaksanaan strategi berikut dapat meningkatkan pengetahuan, keyakinan, daya saing yang positif dalam kalangan pelajar untuk berkomunikasi dan bertutur dalam bahasa Arab. Strategi pengajaran adalah satu perancangan dalam memilih pendekatan, teknik dan kaedah yang digunakan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Strategi ini merujuk kepada satu bentuk rancangan yang boleh menghasilkan pencapaian cemerlang pelajar. Antara strategi pengajaran ialah pemasatan guru, pemasatan pelajar dan pemasatan bahan. Pemasatan guru lebih bersifat tradisional dan memfokuskan guru sebagai tenaga pengajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Secara umumnya, guru menyampaikan isi pelajaran dan pelajar hanya menerima pelajaran yang disampaikan di dalam kelas. Hal ini menyebabkan pelajar akan menjadi bosan sekiranya pengajaran dan pembelajaran hanya berpusatkan guru (Gill & Kusum, 2017).

Dalam konteks ini, pengajaran berpusatkan pelajar dapat memberikan impak yang baik kepada pelajar kerana pengajaran ini merupakan interaksi dua hala iaitu antara guru dan pelajar dan tidak menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran itu hambar dan pasif. Banyak aktiviti dan pendekatan yang boleh digunakan dalam pemasatan pelajar seperti aktiviti berkumpulan, aktiviti permainan, aktiviti simulasi dan sebagainya (Lambri & Mahamod, 2019).

Menurut Shaari, Ghazali, Yusof dan Awang (2016), pemasatan pelajar dapat memberikan respon yang baik di dalam kelas dan mereka kelihatan lebih bersemangat dan aktif ketika melakukan aktiviti yang telah dirancang dan ketika dilaksanakan di dalam kelas. Melalui hasil pembentangan aktiviti pelajar, aktiviti dapat memupuk keberanian dalam diri pelajar untuk bercakap atau menyampaikan idea di khalayak ramai.

Pengajaran kemahiran komunikasi Bahasa Arab memerlukan kepada strategi, pendekatan dan teknik bagi memudahkan proses penyampaian ilmu kepada pelajar di dalam kelas. Guru perlu meneliti proses secara terperinci aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian. Justeru, objektif bagi kemahiran komunikasi adalah dapat melahirkan pelajar yang boleh bertutur dalam bahasa yang dipelajari. Ketidakberkesanan pengajaran dan pembelajaran boleh menjadi salah satu faktor pelajar lemah untuk menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab. Oleh itu, guru perlu menilai semula strategi dan kaedah yang digunakan ketika proses PdP (Yaacob & Bakar, 2018).

Antara strategi yang berkesan dalam aktiviti pengajaran bahasa yang boleh dilaksanakan seperti penceritaan, aktiviti berkumpulan dan permainan kosa kata. Pembelajaran dan aktiviti bahasa yang menyeronokkan dapat merangsang kreativiti pelajar serta dapat membantu mereka memahami konsep bahasa dengan baik (Manjula, 2018). Amalan pedagogi dan pengajaran yang berkesan perlu mengaplikasikan strategi, teknik dan pendekatan bagi memastikan kombinasi yang baik antara pemusatan guru, pelajar dan bahan yang boleh membantu pelajar untuk kekal fokus dalam kelas (Rusdin & Ali, 2019).

Selain itu, guru boleh mengaplikasikan elemen *coaching* dan *mentoring* semasa sesi kuliah berjalan. Pada awal sesi pengajaran dan pembelajaran, guru memberi bimbingan serta tugas yang perlu mereka lakukan secara berkumpulan. Kemudian, pelajar diminta untuk menilai kemajuan diri terutamanya dalam aspek kecekapan bertutur. Aktiviti pengajaran yang menggunakan elemen *coaching* dan *mentoring* iaitu pidato spontan dan perbincangan. Guru juga meminta pelajar merakam video sesi perbualan dengan orang Arab di restoran Arab sekaligus mampu meningkatkan kecekapan pelajar bertutur Bahasa Arab (Yaacob, Bohari & Bakar, 2018).

Akhir sekali, strategi pemusatan bahan merupakan salah satu strategi yang boleh digunakan guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam kelas. Pemusatan lebih tertumpu kepada bahan yang digunakan guru ketika pengajaran dilaksanakan. Justeru, pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran juga bergantung sepenuhnya kepada peranan bahan yang digunakan. Guru yang berkualiti adalah guru yang mahir dalam memilih bahan pengajaran yang berkesan serta boleh mengaplikasikan strategi yang bersesuaian dengan aras kebolehan serta gaya pembelajaran pelajar. (Nahar, Safar & Razak, 2020).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan data. Sampel kajian dijalankan kepada tiga orang guru bahasa Arab dalam daerah Pendang yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari tiga tahun. Pemilihan sampel adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang mempunyai syarat dan ciri bagi menjalankan temu bual. Melalui temu bual, membolehkan pengkaji memperolehi data, pandangan, idea, pengalaman dalam bentuk pernyataan secara langsung dari responden kajian tentang pelaksanaan strategi kemahiran komunikasi Bahasa Arab.

Soalan temu bual diadaptasi daripada soalan temu bual daripada kajian Kamarudin (2017) yang menggunakan temu bual separa struktur. Soalan temu bual juga disahkan oleh pakar yang dipercayai. Temu bual dilakukan menerusi panggilan telefon dan *Google Meet* kerana kekangan yang dihadapi lantaran pandemik Covid-19 serta direkodkan bertujuan untuk analisis transkripsi. Kemudian, data yang diperolehi direkod, didengar semula, ditranskrip, dianalisis berdasarkan kod dan tema menggunakan analisis data kualitatif.

i. Pengumpulan Data

Pengkaji mengumpul data dengan melakukan temu bual dan setelah peserta kajian memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan oleh pengkaji. Kajian ini bertujuan bagi memudahkan pengkaji mendapat data tentang strategi kemahiran komunikasi yang digunakan oleh guru.

ii. Penyaringan Data

Setelah itu, pengkaji mendengar semula audio yang direkod dan melakukan analisis transkripsi. Pengkaji meneliti data-data yang boleh digunakan daripada transkrip temu bual yang telah dimurnikan. Pengkaji juga meletakkan kod-kod bertepatan dengan kajian dan data yang diperolehi.

RQ	Sumber data	Tema	Analisis Data
1) Apakah strategi yang digunakan guru bagi kemahiran komunikasi Bahasa Arab di dalam kelas?	Temu bual	Strategi Kemahiran Komunikasi dalam Pengajaran Bahasa Arab -Pemusatan guru -Pemusatan pelajar -Pemusatan bahan	Analisis Transkripsi

## DAPATAN KAJIAN

Dapatkan ini adalah untuk melihat hasil daripada temu bual yang dilakukan oleh pengkaji terhadap responden sekaligus menjawab persoalan kajian iaitu untuk melihat strategi yang digunakan oleh guru bagi kemahiran komunikasi dalam pengajaran bahasa Arab di dalam kelas.

## Demografi Peserta Kajian

Terdapat tiga orang peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini. Peserta kajian terdiri daripada seorang guru lelaki dan dua orang guru perempuan. Setiap peserta kajian dilabelkan dan dikodkan dengan UBA1, UBA2 dan UBA3. UBA1 merupakan seorang guru lelaki yang berumur 56 tahun yang berbangsa Melayu. Selain itu, peserta kajian merupakan lepasan Universiti al-Bait Mafraq, Jordan dan telah mengajar bahasa Arab melebihi 10 tahun. UBA2 pula merupakan guru perempuan yang berumur 52 tahun dan berbangsa Melayu. Peringkat pengajian tertinggi UBA 2 iaitu Diploma Pendidikan di salah sebuah institut perguruan di Kedah. UBA3 pula, guru perempuan yang berumur 30 tahun merupakan lepasan USIM bidang Quran dan Sunnah. Beliau mempunyai 4 tahun pengalaman mengajar bahasa Arab.

## 1. Strategi Berpusatkan Guru

Guru memainkan peranan penting bagi menjayakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Bagi kemahiran komunikasi di dalam kelas, guru merupakan individu utama yang berkomunikasi di dalam kelas bersama pelajar-pelajar yang lain bagi menyampaikan ilmu dan pengetahuan kepada mereka. Pengkaji dapat melihat kemahiran komunikasi dimulai oleh guru daripada dapatan peserta kajian. Pelajar tidak memahami kandungan topik pelajaran yang guru sampaikan apabila guru berkomunikasi dalam bahasa Arab. Hal ini, menyebabkan guru terpaksa menggunakan bahasa Melayu sebagai perantara bagi menyampaikan kepada pelajar.

(UBA1): “ustaz selang seli dengan bahasa Melayu. Permulaan sahaja ustaz guna bahasa Arab dulu untuk memperkenalkan tajuk. Kemudian, ustaz tanya pelajar sekiranya faham atau tidak. Jawapan yang diterima tidak faham maka ustaz campur Arab dan Melayu”.

Selain itu pula, UBA2 dan UBA3 bersepakat menyatakan pula bahawa guru perlu memulakan komunikasi bertutur dalam bahasa Arab supaya pelajar dapat memahami pengajaran guru. Oleh itu, peranan guru diutamakan dalam kemahiran komunikasi supaya pelajar jelas dengan perkataan-perkataan yang dituturkan oleh guru ketika mengajar di dalam kelas.

(UBA2): “.... **cikgu kena baca dulu**, baca sebutan dengan sempurna kemudian minta pelajar untuk baca”.

(UBA3): “.... pelajar dengar ustazah sebut, kemudian dia sebut balik. Boleh sebut ke dak”

## 2. Strategi Berpusatkan Pelajar

Pengkaji mendapati kedua-dua peserta kajian juga melibatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Strategi yang berpusatkan pelajar merupakan strategi yang baik kerana melibatkan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar. Hal ini dapat memupuk minat pelajar serta menjadikan pelajar aktif di dalam kelas.

Selain fokus guru mengajar, UBA1 juga melibatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Peserta kajian menggunakan teknik penceritaan semula, soal jawab dan fasilitator muda bagi membantu rakan-rakan yang lain.

(UBA1): “selalunya bila selesai satu tajuk, saya akan minta pelajar cerita apa yang mereka faham dan keluar di depan **ceritakan semula** apa yang mereka faham.

“.. memang kita berpusatkan pelajar seperti **soal jawab** dalam kelas kemudian aktiviti sepenuhnya dilakukan oleh pelajar”

“... ustaz selalu ambil pelajar yang cepat boleh sebagai **guru muda** untuk ajar kawan-kawan yang lain. Kadang pelajar lebih faham apa yang kawan ajar”.

Dapat dilihat daripada UBA2 bahawa peserta kajian amat mementingkan komunikasi bahasa Arab kepada pelajar-pelajarnya. Namun begitu, UBA2 juga menggunakan strategi berpusatkan pelajar supaya kemahiran komunikasi dapat dipraktikkan dengan baik.

(UBA2): “Komunikasi ini penting. Istima’ wa al-kalam. Dengar dan cakap. Kena banyak bagi **mereka baca, sebut dan baca**. Macam dengan lisan banyak hiwwar”.

(UBA2): “**Minta pelajar buat kumpulan** kemudian **setiap pelajar perlu baca**. Kalau tidak sempat, kita pilih sahaja. Ustazah juga akan tanya soalan kemudian minta pelajar menerjemahkan setiap perkataan. Ustazah tanya dalam bahasa Arab”.

UBA3 melaksanakan kemahiran komunikasi bahasa Arab dengan meminta pelajar membuat pembentangan di hadapan kelas, membuat aktiviti kumpulan dan soal jawab manakala UBA3 mengajar kelas yang terdiri daripada semua pelajar perempuan. Persekutaran ini dapat mengalakkan pelajar untuk berinteraksi dan kurang rasa malu untuk berkomunikasi bahasa Arab sesama mereka.

(UBA3): “Lepas ustazah mengajar dekat depan, ustazah nak tengak diorang faham ke tidak, ustazah panggil dan suruh dia bercakap di depan”

(UBA3): “Kadang buat gallery walk. Contoh dalam kumpulan tu ada 4 orang, 2 orang stay untuk terang topik yang diberikan, lagi dua orang tu pergi ke kumpulan lain untuk dengar”

### 3.0 Strategi Berpusatkan Bahan

Selain daripada menggunakan lisan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran, guru juga boleh menggunakan bahan bantu mengajar bagi memudahkan kemahiran komunikasi dapat berjalan dengan lancar. Antara contoh bahan bantu mengajar yang boleh digunakan guru seperti audio, visual, buku, majalah, teknologi maklumat dan lain-lain. Peranan bahan juga penting dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa kini.

Pengkaji mendapati peserta kajian UBA1 tidak menggunakan bahan sebagai strategi untuk kemahiran komunikasi. Namun begitu, peserta kajian UBA 2 dan UBA3 menggunakan bahan bantu mengajar bagi mempraktikkan kemahiran komunikasi secara tidak langsung. Hal ini menyebabkan pelajar berasa seronok melakukan aktiviti tersebut bersama rakan-rakan dan guru di dalam kelas. Daripada perantaraan bahan tersebut, guru dapat melihat kemampuan pelajar dalam kemahiran berbahasa.

(UBA2): “Ustazah guna **papan putih kecil** bagi seorang satu, **marker pen** dan **pemadam**. Kemudian, ustazah tulis dulu, selepas itu ustazah padam dan akhir sekali ustazah minta pelajar tulis, betul atau tidak”.

(UBA3): “Contoh dalam kumpulan, ustazah bagi **bendera merah dan hijau**. Kalau diorang tak faham atau kurang faham angkat bendera merah, kalau faham angkat bendera hijau. Orang panggil traffic light. Kemudian, kadang ustazah

buat di luar kelas dan kita main bola beracun tapi baling la. Kita buat bulatan letak **barang** kat belakang dia lepastu kawan akan tanya soalan seperti kosa kata, dan sebagainya. Selepas jawab, diorang akan bagi kawan lain pula yang jawab”.

## **PERBINCANGAN**

Hasil daripada dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta kajian menggunakan strategi pengajaran iaitu berpusatkan guru, berpusatkan pelajar dan berpusatkan bahan dalam pengajaran mereka bagi melaksanakan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar. Ketiga-tiga peserta mempunyai kaedah dan teknik tersendiri dalam menerapkan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam pengajaran mereka. Hal ini bertepatan dengan kajian Gill dan Kusum (2017) yang menyatakan bahawa pemusatan guru menunjukkan guru mengawal apa yang hendak diajar dan pelajar menerima apa yang diajarkan di dalam kelas. Oleh itu, bersesuaian dengan hasil dapatan yang guru perlukan terlebih dahulu bagi mendedahkan gambaran pengajaran kepada pelajar supaya mereka tidak terpinga-pinga. Tanpa sebutan yang jelas daripada guru, pelajar sukar mengetahui cara sebutan dan boleh mengubah makna perkataan bahasa Arab yang sebenar.

Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta kajian juga menggunakan strategi berpusatkan pelajar. Strategi ini dapat membantu pelajar dalam meneroka kemahiran komunikasi bahasa Arab. Antara hasil dapatan menunjukkan peserta kajian menggunakan pendekatan soal jawab, perbincangan, guru muda dan aktiviti kumpulan. Peserta kajian juga meminta pelajar untuk menyebut, membaca dalam bahasa Arab bagi memudahkan mereka untuk berkomunikasi. Ini seiring dengan kajian Manjula (2018) dalam kajiannya yang juga menggunakan pendekatan yang sedemikian bagi meningkatkan daya saing dan kemahiran komunikasi di dalam kelas. Kenyataan Lambri dan Mahamod (2019) menyebut terdapat pelbagai aktiviti dan pendekatan yang boleh digunakan dalam pemusatan pelajar seperti aktiviti berkumpulan, aktiviti permainan, aktiviti simulasi dan sebagainya.

Akhir sekali, pengkaji mendapati hanya dua orang peserta kajian sahaja iaitu UBA 2 dan UBA3 yang menggunakan strategi berpusatkan bahan. Peserta kajian menggunakan papan putih kecil sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas. Penggunaan bahan bantu mengajar adalah bertujuan untuk menarik perhatian pelajar sekaligus mendidik pelajar untuk lebih fokus dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Peserta kajian menggunakan bendera dan barang bagi menggalakkan interaksi antara bahan dan pelajar di dalam kelas. Perkara ini disokong oleh kajian Nahar, Safar dan Razak (2020) yang menyatakan interaksi antara pelajar dan bahan yang digunakan mampu mewujudkan kemahiran komunikasi.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, dapat dilihat kemahiran komunikasi merupakan elemen penting dalam kemahiran berbahasa yang perlu diaplikasikan dalam setiap pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan pelbagai strategi bagi menarik minat pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Pengkaji mencadangkan bagi kajian lanjutan supaya pengkaji lain boleh mengkaji tentang pelaksanaan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam PdPR serta cabaran yang dihadapi ketika pandemik Covid-19 melanda Malaysia.

## RUJUKAN

- Fauzi, M.S.H.M, Pisol, M.I.M, Maromar, F., Ismail, M.R & Ghazali, A.R. 2020. Permasalahan Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar bukan Penutur Jati: Satu kajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2020)*.
- Gill, A. K., & Kusum. 2017. Teaching, Approaches, Methods and Strategy. *ScholarlyResearch Journal for Interdisciplinary studies* 4(36): 6692-6697.
- Jamali, H. N., Rahman, A. A., Azizan, K. F. K. & Isa, S. N. M. 2017. Pemantapan tahap kemahiran asas Bahasa Arab melalui kajian Tindakan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. (Special Issue): 29-43.
- Lambri, A. & Mahmood, Z. 2016. Pendekatan berpusatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bagi membentuk kemahiran insaniah pelajar di universiti awam. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*. 7: 25-34.
- Lambri, A. & Mahmood, Z. 2019. *Pembelajaran berpusatkan pelajar*. Selangor, Bangi, Penerbit UKM
- Manjula, R. 2018. Strategies for Effective Teaching of English for Undergraduate Students. *International Journal of English Language Literature in Humanities*. 6(12).
- Mukhtar, M. Z. & Damit, S. A. (2017). Aplikasi *Lughat al-Fasl* dalam Pengajaran Bahasa Arab. *MANU*, 26: 153-183.
- Nahar, N., Safar, J. & Razak, Z. A. (2020). Strategi pemasatan bahan dalam pengajaran jawi guru Pendidikan Islam seolah rendah: satu kajian kes. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*. 9(1): 1-15.
- Rusdin, N. M. & Ali, S. R. 2019. Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke 21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and technology Management*. 23-24 Nov.
- Shaari, A. S., Ghazali, M. I., Yusof, N. M., & Awang, M. I. 2016. Amalan Pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum. *Proceeding of ICECRS*.
- Yaacob, M. & Bakar, A. K. (2018). Tinjauan Literatur Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab. *Jurnal BITARA*. 1(2): 15-25.
- Yaacob, M., Bohari, F. A. M. & Bakar, K. A. (2018). Kecekapan bertutur bahasa Arab dan Pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar beserta elemen Coaching dan Mentoring. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*. 10(2).
- Zulharby, P., Rasyid, Y., & Nuruddin. (2019). The characteristiccs of Teaching Material Arabic Speaking Skills in Higher Education. *Jurnal al-Bayan: Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*, 11(2): 194-213.